

25 OCT 1998

Mahathir-Rusuhan

DR MAHATHIR KECAM TUNJUK PERASAAN DI IBU NEGARA SEMALAM

LANGKAWI, 25 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengecam mereka yang terlibat dalam tunjuk perasaan yang menggunakan kekerasan di ibu negara semalam.

"Kumpulan yang menggelarkan diri mereka memperjuangkan reformasi kononnya hendak menegakkan keluhuran undang-undang tetapi mereka sendiri yang melanggarnya," katanya.

Tidak ada sesiapa yang untung ekoran kejadian itu, sebaliknya imej negara terjejas, katanya kepada pemberita ketika diminta mengulas mengenai kejadian itu.

Perhimpunan haram itu menjadi buruk apabila sekumpulan mereka merusuh dan mencederakan dua anggota polis - seorang anggota trafik di Masjid Kampung Baru dan seorang inspektor polis di Jalan Tuanku Abdul Rahman.

Mereka yang berhimpun di Masjid Kampung Baru selepas solat Maghrib, kebanyakannya membawa risalah, poster dan sepanduk menyokong bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim membaling batu, botol, kayu serta besi ke arah polis dan merosakkan beberapa buah kereta berdekatan. Berikutan itu 241 daripada mereka ditahan polis di Jalan Tuanku Abdul Rahman dan kawasan Kampung Baru.

Semasa bercakap kepada pemberita selepas melancarkan baja "Terus Maju" di Muzium Padi di pulau ini, Perdana Menteri juga menyifatkan mereka sebagai pengecut kerana menggunakan isteri dan anak-anak sebagai perisai semasa mengadakan tunjuk perasaan itu.

"Jangan salahkan kerajaan kalau anak terbakar semasa tunjuk perasaan kerana pihak berkuasa menjumpai molotov cocktail dan minyak tanah di tempat kejadian itu," katanya.

Dr Mahathir berkata modus operandi tunjuk perasaan semalam mempunyai banyak persamaan dengan kejadian tunjuk perasaan sebelum Anwar menyertai Umno.

"Ia mempunyai persamaan dengan tunjuk perasaan oleh para penuntut pada 1974 semasa saya menjadi Menteri Pelajaran," katanya.

Beliau percaya kejadian semalam mungkin didalangi oleh Hishamuddin Rais, bekas aktivis pelajar tahun 1970-an.

Modus operandi itu ialah mengadakan tunjuk perasaan secara aman pada mulanya dan kekerasan digunakan kemudian apabila ia tidak berkesan, katanya.

Perdana Menteri percaya tunjuk perasaan itu diadakan bagi mengelakkan Anwar daripada dibicarakan di mahkamah.

"Kerajaan tidak akan tunduk dengan sebarang percubaan untuk mengelakkan Anwar daripada diadili di mahkamah," tegasnya.

Anwar kini ditahan reman di penjara Sungai Buloh sementara menunggu perbicaraan mulai 2 Nov terhadap sebahagian daripada 10 tuduhan berhubung rasuah dan salahlaku seksual.

Mengenai tindakan kerajaan bagi mengelakkan kejadian semalam daripada menjadi trend di masa akan datang, Perdana Menteri meminta rakyat menolak perbuatan merusuh kerana ia tidak mendatangkan faedah.

Beliau berkata polis selama ini tidak menggunakan kekerasan terhadap penunjuk perasaan itu dan hanya menggunakan meriam air bagi meleraikan perhimpunan sedemikian.

"Itu pun semburan bukan tepat kepada penunjuk perasaan tetapi sekadar membasahkan mereka," katanya.

-- BERNAMA

JM RON